

## #Cukup! Perjanjian Rakyat Untuk Menghapuskan Peperangan

Kami, sebagai anggota umat manusia, bersetuju untuk menghapuskan peperangan.

Seperti kamu, kami telah bosan dengan peperangan. Peperangan merosakkan segala kepunyaan kami tanpa menghasilkan apa-apa penyelesaian. Peperangan telah meningkatkan terorisme. Peperangan juga meninggikan risiko kemusnahan akibat senjata nuklear.

Untuk menghapuskan peperangan, kami menubuhkan kumpulan atau komuniti keamanan tempatan yang kecil, terdiri daripada dua orang atau lebih ahli, di mana kami bersetuju untuk mengharamkan senjata dan peperangan demi membina sistem anti-keganasan di dalam segala aspek kehidupan.

Kami menggunakan autonomi kami dan memilih pilihan alternatif untuk tidak mengambil bahagian di dalam sistem peperangan semasa. Kami membuat pilihan untuk tidak melibatkan diri dan tidak memberi sokongan dan menolak pembiayaan kewangan dari mana-mana individu ataupun kumpulan yang mempergunakan peperangan.

Kami mulai sembuh dan mula membina kehidupan yang berbeza. Pelajar belajar dengan lebih baik, pekerja dan petani bekerja dengan lebih maju, kerisauan para ibu berkurangan dan sumber asasi manusia diperkongsikan dengan lebih baik.

Kami memupuk perhubungan yang berasaskan persamaan di antara alam semulajadi dengan segala umat manusia, dan berkumpul beramai-ramai untuk membina masyarakat yang bebas dari sempadan, tanpa mengutamakan kemahuan masing-masing dan bekerjasama untuk membina dunia yang hijau dan saksama, tanpa peperangan. Kumpulan bersama ini amatlah penting sekali, kerana kami tidak berupaya menghapuskan peperangan tanpa mengubah pemanasan global dan ketidaksamaan; inilah krisis dunia yang didorong oleh golongan elit tertentu yang memerintah kami secara kekerasan. Kami memberantasi peperangan bermula dengan satu individu ke satu individu. Kami tidak akan menunggu golongan elit tersebut kerana merekalah yang sering melancarkan peperangan.

Kami tidak membezakan antara sesiapa yang melancarkan peperangan, skala peperangan ataupun justifikasi seseorang terhadap apa-apa peperangan. Kami menolak segala keganasan dan peperangan, dan kami bersetuju untuk tidak mengambil tindakan berperang dalam apa jua keadaan sekalipun.

Kami, sebagai anggota umat manusia, bersetuju untuk menghapuskan peperangan.

#Cukup!